



MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ; MENCONTOHI NABI SAW DALAM MENDIDIK



ISLAMIC CONSULTATIVE ASSEMBLY

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"MENCONTOHI NABI SAW DALAM MENDIDIK".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُوا عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ.	
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.	3
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾	4
Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat.	5
Pada hari yang mulia ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk "MENCONTOHI NABI SAW DALAM MENDIDIK".	6



Setiap hari, kita disajikan dengan pelbagai berita di media sosial, cerita-cerita di kedai kopi dan tempat kerja, termasuk perkongsian isu semasa melalui kumpulan bual <i>WhatsApp</i>. Jika kita semak, hampir kesemua berita itu adalah cerita-cerita negatif, perang tak berkesudahan, pergaduhan, perkauman, penipuan, konflik rumah tangga, carutan dan makian yang diratib di sana-sini, termasuklah maruah diri dan aib yang menjadi tukaran murahan bagi meraih populariti. Keburukan ini tak berakhir di situ, ia dilanjutkan lagi dengan komentar dan gosip-gosip tambahan bagi menambah rencah dan rasanya.	7
Ini lah terjemahan kepada gejala sosial apabila asas didikan yang baik tidak tersemat menjadi jati diri. Ia semakin membarah, meliar dan di luar kawalan. Meletakkan peraturan dan undang-undang mungkin mengehadkan gejala ini, tetapi ia tidak menghilangkannya serta-merta. Menguatkuasakan hukuman mungkin berjaya dalam jangka masa pendek, tetapi ia tidak akan melestari dalam jangka masa panjang.	8
Tidak ada yang dapat mengubah realiti buruk ini melainkan kembali kepada kerja-kerja asas yang dilakukan oleh Rasulullah SAW, iaitu mendidik. Sesuai dengan firman Allah SWT dalam surah al-Jumu'ah ayat ke 2 yang dibacakan diawal khutbah bermaksud: <i>"Dialah yang mengutuskan dalam kalangan orang (Arab) yang buta huruf seorang Rasul (Muhammad) daripada bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-Nya, menyucikan (jiwa) mereka (daripada iktikad yang sesat) dan mengajar mereka kitab (al-Quran) dan hikmah. Sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Muhammad) berada dalam kesesatan yang nyata."</i>	9



Bersempena sambutan Hari Guru yang bakal disambut bagi tahun ini, khatib ingin mengingatkan bahawa mendidik bukan sahaja kerja yang mulia, bahkan ia adalah jalan paling efisien bagi mengembalikan semula kemuliaan buat umat Islam dan menghapuskan kemungkaran-kemungkaran yang berlaku.	10
Bagi melakukan perubahan, kita memerlukan inspirasi daripada sebaik-baik guru. Tiada insan yang lebih agung untuk dijadikan teladan melainkan Rasulullah SAW, insan pilihan yang diutuskan oleh Allah SWT sebagai pembawa risalah dan pendidik umat manusia. Sudah pasti Baginda SAW mendidik dengan akhlak yang paling mulia, pendekatan yang paling hikmah serta keperibadian yang paling sempurna dalam menyampaikan ilmu dan membentuk manusia. Oleh itu, wajar untuk kita meluruskan diri kita dengan ciri-ciri guru yang ada pada diri Baginda SAW.	11
Pertama, Rasulullah SAW adalah seorang guru yang misali. Bukan sahaja Baginda SAW hanya mendidik, bahkan beramal dengan setiap apa yang telah disampaikan. Bagaimana orang mahu mengikuti kata-kata gurunya jika guru itu sendiri tidak melakukan apa yang dia ajarkan? Seperti ketam mengajar anaknya berjalan lurus, sedang dia sendiri berjalan mengiring. Kitalah terlebih dahulu perlu menjadi contoh ikutan yang baik kepada orang di sekeliling kita, seperti Rasulullah SAW menjadi contoh ikutan yang baik kepada seluruh umat Baginda SAW.	12
Firman Allah SWT dalam Surah al-Saf ayat 2: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ .	13



"Wahai orang yang beriman, mengapa kamu mengatakan sesuatu yang tidak kamu lakukan?"

14

Kedua, Rasulullah SAW adalah seorang guru yang santun. Keperibadian yang halus dan budi pekerti yang luhur diterjemahkan tatkala kita mendekati orang-orang yang melakukan kemungkaran. Bunga ros merah yang indah nan wangi pun, akan dibenci dan tidak dihargai kalau diberi dengan cara diherdik dan dilempar-lempar. Apabila yang menerima teguran kita itu rasa disayangi, apa yang ditegur itu lebih rela untuk didengari dan diamalkan meskipun masih terasa beratnya untuk mengubah diri.

15

Terlalu banyak contoh sikap santun ini dalam Sirah Baginda SAW. Antaranya adalah kisah Anas bin Malik *Radiallahuanhu* yang merupakan pembantu Rasulullah SAW selama 10 tahun pada era Madinah. Anas bin Malik *Radiallahuanhu* menceritakan bahawa:

خَدَمْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَشْرَ سِنِينَ فَمَا قَالَ
لِي: أُفٍّ وَلَا: لِمَ صَنَعْتَ؟ وَلَا: أَلَّا صَنَعْتَ؟

16

"Aku telah berkhidmat kepada Nabi SAW selama 10 tahun, tidak pernah sekali pun Baginda SAW mengatakan uf (suara desahan atau isyarat kerana marah) juga tidak mempersoalkan "kenapa kamu melakukan itu" dan juga tidak bertanya "kenapa kamu tidak melakukan ini".

17

(Riwayat al-Bukhari).



Ketiga, Rasulullah SAW adalah seorang guru yang membimbing dan menunjukkan jalan. Menjadi guru bukanlah semudah mengatakan itu salah dan ini betul semata-mata, bukan juga terburu-buru memarahi atau menghukum semata-mata. Seorang guru harus mencari jalan paling baik untuk membawa muridnya bertemu semula pangkal jalan untuk dia kembali.	18
Terdapat seorang remaja pada zaman Rasulullah SAW yang mengadukan kepada Baginda SAW agar dirinya diizinkan untuk berzina. Amatlah besar kesalahan itu. Tetapi Rasulullah SAW tidak terus melenting atau membalas dengan kemarahan. Dengan tenang, Baginda membimbing anak muda ini untuk memilih kebaikan dan meninggalkan maksiat.	19
Hadis yang diriwayatkan daripada Abu Umamah <i>Radiallahuanhu</i>, dia berkata: <i>"Sesungguhnya seorang pemuda datang kepada Nabi SAW lalu berkata: 'Wahai Rasulullah, izinkanlah aku berzina.' Maka orang ramai pun menghampirinya lalu mengherdikannya dan berkata: 'Diam! Diam!' Lalu Baginda bersabda: 'Dekatlah.' Maka dia pun mendekat lalu dia duduk. Baginda SAW bertanya: 'Adakah kamu suka jika ia berlaku kepada ibumu?' Dia menjawab: 'Tidak, demi Allah, semoga Allah menjadikan aku sebagai tebusanmu.'</i>	20



Baginda bersabda: 'Begitu juga orang lain tidak suka jika ia berlaku kepada ibu-ibu mereka.' Baginda bertanya: 'Adakah kamu suka jika ia berlaku kepada anak perempuanmu?' Dia menjawab: 'Tidak, demi Allah, wahai Rasulullah, semoga Allah menjadikan aku sebagai tebusanmu.' Baginda bersabda: 'Begitu juga orang lain tidak suka jika ia berlaku kepada anak-anak perempuan mereka.' Baginda bertanya: 'Adakah kamu suka jika ia berlaku kepada kakak atau adik perempuanmu?' Dia menjawab: 'Tidak, demi Allah, semoga Allah menjadikan aku sebagai tebusanmu.' Baginda bersabda: 'Begitu juga orang lain tidak suka jika ia berlaku kepada kakak atau adik perempuan mereka.' Baginda bertanya:

21

Baginda bersabda: 'Begitu juga orang lain tidak suka jika ia berlaku kepada kakak atau adik perempuan mereka.' Baginda bertanya: 'Adakah kamu suka jika ia berlaku kepada ibu saudaramu (sebelah bapa)?' Dia menjawab: 'Tidak, demi Allah, semoga Allah menjadikan aku sebagai tebusanmu.' Baginda bersabda: 'Begitu juga orang lain tidak suka jika ia berlaku kepada ibu-ibu saudara mereka (sebelah bapa).' Baginda bertanya:

22

'Begitu juga orang lain tidak suka jika ia berlaku kepada ibu-ibu saudara mereka (sebelah bapa).' Baginda bertanya: 'Adakah kamu suka jika ia berlaku kepada ibu saudaramu (sebelah ibu)?' Dia menjawab: 'Tidak, demi Allah, semoga Allah menjadikan aku sebagai tebusanmu.' Baginda bersabda: 'Begitu juga orang lain tidak suka jika ia berlaku kepada ibu-ibu saudara mereka (sebelah ibu).' Kemudian Baginda meletakkan tangannya ke atas pemuda itu dan berdoa: 'Ya Allah, ampunilah dosanya, bersihkanlah hatinya, dan jagalah kemaluannya.' Maka selepas itu, pemuda tersebut tidak pernah lagi menoleh kepada perkara-perkara tersebut."

(Riwayat Ahmad).



Pada tanggal 16 Mei setiap tahun, kita meraikan sambutan Hari Guru bagi menzahirkan hormat dan mengangkat kedudukan insan yang bergelar pendidik dalam masyarakat. Namun secara umumnya, kita dapat meluaskan lagi penghayatan kepada sambutan ini, bahawa kita semua hakikatnya adalah seorang guru kepada orang-orang di sekeliling kita, khususnya orang-orang yang berada di bawah tanggungan kita.

Marilah kita kembali mengingati bahawa tanggungjawab mendidik anak-anak itu bermula dari rumah. Ibu bapalah yang mula mencorakkannya. Ibu bapalah yang bertanggungjawab penuh akan nasib anak-anaknya. Ibu bapa perlu menjadi pihak pertama yang mengetahui dan mengubah sebarang kemungkaran yang ada pada anak-anaknya. Bukan berlepas tangan dan berpeluk tubuh hanya kerana sudah ada guru yang mendidik anak-anak di sekolah.

Dalam konteks jiran tetangga, marilah hidupkan semula sikap gotong-royong yang merupakan ciri khas masyarakat kita. Jadikan kejiranan kita sebagai sebuah 'sekolah kecil' yang saling melakukan amar makruf nahi mungkar dengan mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Setiap keburukan dan kejahatan dalam kejiranan itu adalah tanggungjawab bersama untuk dibuang lalu digantikan dengan yang indah-indah. Kembalikanlah kerukunan dengan bertegur sapa dan membalas senyuman, tanpa mengira agama, bangsa atau warna kulit.



Tidak dilupakan, dunia media sosial yang penuh ragamnya. Marilah menjadi 'Guru Disiplin' yang sensitif menegur keburukan akhlak dan salah laku. Jadilah 'Guru Kaunseling' yang sentiasa bersikap empati dan memberikan motivasi dan semangat. Jadilah 'Guru Hal Ehwal Murid' yang mengambil berat akan kesihatan dan kesejahteraan ahli yang berada dalam ruang sosial tersebut. Dengan itu, media sosial akan menjadi tempat yang mendamaikan, bukan menimbulkan resah-gelisah dan perkelahian berpanjangan.

Firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 2:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ
وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ .

"Dan hendaklah kamu tolong-menolong dalam membuat kebajikan dan bertakwa. Dan janganlah kamu tolong-menolong dalam berbuat dosa (maksiat) dan pencerobohan (melampaui batas-batas ajaran Allah) dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah amat berat azab-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya)."



Sebelum mengakhiri khutbah kali ini, berikut adalah beberapa perkara yang boleh dijadikan pedoman:

1. Umat Islam hendaklah sedar, bahawa tidak ada jalan pintas dalam mengubah kemungkaran dan kerosakan akhlak yang kian membarah ini, kecuali melalui jalan pendidikan atau islah.
2. Umat Islam haruslah menjadikan Rasulullah SAW sebagai pedoman dan ikutan dalam mengislah, dengan menunjukkan contoh terbaik dalam kehidupan seharian dan bukan hanya semata-mata arahan dan suruhan.
3. Umat Islam mestilah sedar bahawa tugas mendidik dan mengislah itu bermula dengan didikan dan contoh tauladan yang baik di rumah, bukan berlepas tangan meletakkan beban sepenuhnya ke atas bahu guru di sekolah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَمِنْهُمْ مَنْ يَقُولُ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أُولَئِكَ لَهُمْ نَصِيبٌ مِّمَّا كَسَبُوا وَاللَّهُ
سَرِيعُ الْحِسَابِ.

"Dan antara mereka ada pula yang berdoa, "Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan peliharalah kami daripada seksaan api neraka! Mereka itulah orang yang mendapat bahagian yang baik daripada apa-apa yang diusahakan mereka dan Allah sangat cepat perhitungannya."

(Surah al-Baqarah: 201-202).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.	30
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ	31



KHUTBAH KEDUA

1	اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِيْ اَنْزَلَ الشَّرِيْعَةَ هٰدِيًّۙ لِلنَّاسِ وَرَحْمَةً، اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهٗ، وَاَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهٗ وَرَسُوْلُهٗ.
2	. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهٖ وَاَصْحَابِهٖ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِاِحْسَانٍ اِلٰى يَوْمِ الدِّيْنِ.
3	اَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ اتَّقُوا اللّٰهَ اَوْصِيْكُمْ وَاِيَّايَ بِتَقْوٰى اللّٰهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ.
4	اِنَّ اللّٰهَ وَمَلٰٓئِكَتُهٗ يُصَلُّوْنَ عَلٰى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَیْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيْمًا. ¹
5	اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهٖ وَاَصْحَابِهٖ اٰجْمَعِيْنَ.
6	اللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمٰتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنٰتِ الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْاَمْوَاتِ، بِرَحْمَتِكَ يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ.
7	اللّٰهُمَّ اَعِزِّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَاَذِلَّ الشَّرْكَ وَالْمُشْرِكِيْنَ، وَدَمِّرْ اَعْدَاءَ الدِّيْنِ، وَاجْعَلْ هٰذَا الْبَلَدَ اَمِنًا مُّظْمًئًا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ.

¹ Al-Ahzab: 56.



8	اللَّهُمَّ وَفِّقْ أَيْمَةَ الْمُسْلِمِينَ وَوَلَاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ لِمَا فِيهِ صَلَاحُ الْبِلَادِ وَالْعِبَادِ.
9	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،
10	جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُور، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،
11	وَالصَّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُور، تَغْكَو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.
12	اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُؤَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.
13	Ya Allah! Kukuhkanlah akidah umat Islam berteraskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat <i>Radiallahuamhum</i> , seperti yang telah dirumuskan oleh Imam Abu Hasan al-Asya'ri dan Imam Abu Mansur al-Maturidi, beramal dengan Mazhab Al-Syafi'e dan menerima tiga mazhab yang lain, serta bertasawwuf dengan jalan Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali..



Jauhkanlah kami daripada segala bentuk rasuah dan salah guna kuasa, begitu juga kesesatan dan sifat ekstrim, serta lindungilah kami daripada fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.	14
Ya Allah! Kurniakanlah keamanan dan kemakmuran kepada negara dan negeri kami. Peliharalah kami daripada segala bentuk bala bencana, fitnah dan musibah. Anugerahkanlah kepada kami para pemimpin yang berintegriti, tegas dan berani menegakkan kebenaran berlandaskan syariat-Mu.	15
Ya Allah! Lindungilah umat Islam dan Masjid Al-Aqsa di Palestin. Peliharalah mereka daripada kezaliman dan kejahatan, serta kurniakanlah mereka ketabahan, kekuatan, dan kemenangan.	16
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.²	17
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.³	18
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	19